

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH  
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : PERUNTUKAN BAGI MEMBAIKPULIH JETI**

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah jeti nelayan yang berlesen dan tidak berlesen diseluruh Negeri Selangor? Mohon nyatakan.
- b) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan bagi memutihkan jet-jeti nelayan yang tidak berlesen?
- c) Apakah usaha proaktif Kerajaan Negeri bagi memastikan setiap jeti nelayan dalam keadaan selamat?

**JAWAPAN:**

- a) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 7/2020 yang bersidang pada 19 Februari 2020 telah meluluskan Caj Kebenaran Bertulis Pembinaan Jeti Pendaratan Ikan. Selaras dengan keputusan MMKN ini, Luas dalam tindakan untuk mengeluarkan lesen atau kebenaran bertulis selaras dengan Seksyen 43, Enakmen LUAS ke atas jeti nelayan yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri sama ada melalui kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau melalui pihak Pejabat Tanah Galian Selangor.

Kebenaran bertulis akan dikeluarkan bagi 86 buah jeti di Bagan Sekinchan yang telah mendapat kelulusan penggunaan tanah melalui MMKN Bil 19/2017 bertarikh 14 Jun 2017 dan 108 buah jeti di Bagan Sungai Besar yang telah mendapat kelulusan penggunaan tanah melalui MMKN Bil 23/2019 bertarikh 14 Ogos 2019.

- b) Melalui MMKN Bil 7/2020 bertarikh 19 Februari 2020, Kerajaan Negeri bersetuju agar YB ADUN kawasan untuk membantu menyalurkan peruntukan atau sumbangan kewangan kepada pemilik jeti yang memerlukan bantuan kewangan pada peringkat awal pelaksanaan.
- c) MMKN Bil 21/2015 bertarikh 1 Julai 2015 memutuskan agar LUAS menimbangkan cadangan pewartaan jati-jeti tanpa lesen yang didapati strukturnya kukuh dan boleh digunakan melalui pelaksanaan Pelan Tindakan Pengurusan Jeti. Selaras

dengan itu, banciaan yang dijalankan oleh agensi hanya mengambilkira jeti yang selamat untuk digunakan.

Sekiranya ada peruntukan daripada Kerajaan Negeri, peruntukan tersebut akan diberikan kepada jeti-jeti yang telah melalui proses pemutihan. Pemutihan jeti yang dijalankan ini juga memberi peluang kepada jeti-jeti sedia ada yang telah dilesen untuk dibaikpulihan menggunakan peruntukan yang disediakan oleh kerajaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN WONG SIEW KI  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : MEDIA SELANGOR**

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah prestasi media Selangor dari tahun 2018 sehingga sekarang? (sebagai contoh, bilangan "views" atau "follower" TVSelangor, bilangan pembaca surat khabar Selangorku dan lain-lain)
- b) Apakah rancangan kerajaan kepada media selangor supaya mesej kerajaan dapat disebarkan dengan lebih berkesan?

**JAWAPAN:**

- a) Prestasi Media Selangor dari tahun 2018 sehingga Mei 2020 adalah seperti berikut;

Medium	2018	2019	Mei 2020
Akhbar SelangorKini	250,000/minggu	250,000/minggu	200,000/minggu
Pembaca Portal SelangorKini	11.87 juta	14.5 juta	7.8 juta
Facebook	279,141 <i>followers</i>	343,259 <i>followers</i>	362,877 <i>followers</i>
Twitter	29,900 <i>followers</i>	32,128 <i>followers</i>	34,258 <i>followers</i>
Instagram	55,578 <i>followers</i>	71,468 <i>followers</i>	80,258 <i>followers</i>
Portal TV Selangor	568,478 <i>viewers</i>	469,209 <i>viewers</i>	349,740 <i>viewers</i>
YouTube TV Selangor	108,473 <i>subscribers</i>	125,197 <i>subscribers</i>	131,676 <i>subscribers</i>

- b) Pengurusan Media Selangor telah melakukan penstrukturan semula dan penambahan kakitangan berpengalaman dan berkebolehan bagi Jabatan Editorial pada awal 2020.

Langkah ini diambil sebagai langkah pengukuhan jabatan editorial bagi memastikan perkara berikut;

- Pengurusan jabatan yang lebih cekap, berkesan dan kompeten selaras senario terkini industri media
- Membentuk pasukan editorial berwibawa dengan fokus kepada dua produk utama; akhbar dan portal SelangorKini
- Meningkatkan bahan berita lebih segar, unik dan baru serta tidak bergantung berita yang kurang memberikan impak
- Meningkatkan mutu pemberitaan melalui penyediaan dan pemantauan lebih teliti oleh pengarang dan penolong pengarang berpengalaman dalam bidang editorial

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : KAWALAN PEMBANGUNAN DI KAWASAN HUTAN DI BUDIMAN VALLEY  
DAN TASIK SUBANG**

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai polisi untuk tidak lagi membenarkan pembangunan di lakukan di baki kawasan hutan dan tadahan air tasik Subang di Budiman Valley supaya habitat tapir tidak terganggu.

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah memperkenalkan Dasar Moratorium Ke Atas Pembalakan selama tempoh 25 tahun melibatkan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan hutan Tanah Kerajaan sejak tahun 2010. Justeru, tiada sebarang aktiviti pembangunan yang boleh dipertimbangkan melainkan ianya mempunyai kepentingan nasional seperti bekalan elektrik, jalanraya, bekalan air dan sebagainya. Buat masa ini, tiada sebarang aktiviti pengusahaan hutan melibatkan pembalakan dibenarkan di dalam kawasan hutan simpan yang berhampiran Budiman Valley.

Selain itu, terdapat Garis Panduan Perancangan Pemuliharaan dan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (GPPPP KSAS) yang disediakan oleh PLANMalaysia dan boleh digunapakai oleh Kerajaan Negeri dan PBT di Negeri Selangor. Di antara garis panduan ini termasuklah:

- i. GPPPP KSAS Kawasan Tadahan Air dan Sumber Air Tanah;
- ii. GPPPP KSAS Dataran Banjir, Tanah Lembap, Tanah Bekas Lombong, Tasik dan Sungai;
- iii. GPPPP KSAS Habitat Hidupan Liar;
- iv. GPPPP KSAS Hutan Simpanan Kekal; dan
- v. GPPPP KSAS Warisan Kebudayaan dan Warisan Semula Jadi.

Garis panduan ini diformulasi daripada asas perundangan dan dasar-dasar terkini, falsafah dan strategi pembangunan, keupayaan tampungan serta perlindungan alam sekitar dan biodiversiti kawasan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM  
(N17 GOMBAK SETIA)**

**TAJUK : PAKEJ RANGSANGAN SELANGOR PRIHATIN**

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah penjaja dan peniaga kecil berlesen yang menerima manfaat daripada peruntukan RM40 juta dalam Pakej Rangsangan Selangor Prihatin ?

**JAWAPAN:**

- a) Selama ini, kerajaan negeri melalui PBT juga telah menghasilkan peluang penjajaan kepada rakyat Selangor khususnya mengikut kekosongan unit/ tapak gerai yang sedia ada.

Sedar akan desakan yang dihadapi akibat penularan COVID 19, Kerajaan Negeri telah memberi kelonggaran kepada peniaga dari segi pengurangan sewa premis PBT bagi bulan April 2020 dan kelayakan pengecualian adalah kepada penyewa yang telah mempunyai lesen tahun 2020 serta mematuhi komitmen bayaran sewa bulanan.

Kerajaan Negeri juga berhasrat untuk memberikan pengecualian sewaan bagi bulan Mei tahun 2020 sebagai inisiatif membantu peniaga yang terjejas akibat Covid-19.

Selain itu, kerajaan negeri Selangor telah menyediakan insentif RM 500 kepada para penjaja dalam Pakej Rangsangan Selangor Prihatin. Sebanyak 22884 di seluruh negeri Selangor telah mendapat manfaat tersebut dengan jumlah peruntukan sebanyak RM11442,000.00.

Persediaan latihan dan pemantauan kaedah pelaksanaan aktiviti norma baharu bagi memastikan pengunjung merasa selamat dan selesa untuk kembali mengunjungi gerai-gerai dan premis-premis perniagaan juga merupakan salah satu usaha bagi membantu pemulihan semula ekonomi pada pasca COVID 19 ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : SEKTOR PELANCONGAN DALAM KRISIS COVID19**

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana PKP telah menjejaskan industri pelancongan Negeri Selangor?
- b) Berapakah hotel telah ditutup disebabkan krisis Covid19 sejak pelaksanaan PKP?

**JAWAPAN:**

- a) Secara keseluruhannya setiap penggiat Industri pelancongan di Negeri Selangor terkesan akibat penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Keseluruhan pemain-pemain industri pelancongan negeri Selangor menghadapi pembatalan tempahan (bilik penginapan, penganjuran acara, pakej pelancongan, pengangkutan dan lain-lain perkhidmatan berkenaan pelancongan) sejak pandemik Covid-19 ini ditemui dan mula tersebar bermula bulan Januari 2020 lalu. Di samping itu, sebahagian besar industri pelancongan negeri Selangor terpaksa menutup operasi mereka sepanjang penguatkuasaan PKP sejak pertengahan bulan Mac 2020 lalu. Oleh yang demikian, ianya memberi kesan kepada pendapatan penggiat industri pelancongan sepanjang tempoh tersebut. Melalui kaji Selidik yang dilaksanakan oleh Tourism Selangor secara puratanya ketahanan aliran tunai penggiat-penggiat industri pelancongan di Negeri Selangor adalah antara 1 hingga 6 bulan. Responden juga telah membalas dimana majoriti lebih 50% memaklumkan terpaksa menutup operasi sepenuhnya disebabkan bukan kategori '*essential business*' semasa tempoh PKP. Manakala, berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Persatuan Hotel Malaysia (MAH) telah mengunjurkan 'kadar penginapan – occupancy rate' bulanan sehingga Disember tahun 2020 adalah dibawah 40%, yang mana hotel-hotel akan beroperasi tanpa membuat keuntungan. Hal ini secara kasarnya akan mengakibatkan banyak penggiat industri pelancongan terpaksa memberhentikan operasi mereka dan berhadapan dengan kemungkinan mufliis jika tempoh penutupan operasi akibat penguatkuasaan PKP ini berpanjangan.
- b) Sehingga bulan Jun 2020 sebanyak 3 hotel yang telah mengesahkan menutup sepenuhnya operasi manakala 2 hotel lagi menutup sementara operasi sehingga hujung tahun 2020 akibat penguatkuasaan PKP dan pandemik Covid19.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : STESEN ECRL DI JENJAROM**

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini projek ECRL di Kuala Langat dan Selangor?
  
- b) Adakah kedudukan stesen ECRL di Jenjarom telah ditetapkan?

**JAWAPAN:**

(a) dan (b) dijawab bersekali :-

Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang merupakan projek Kerajaan Persekutuan dijangka akan melalui sebahagian kawasan di dalam Negeri Selangor. Projek ECRL sepanjang 640 kilometer dan dibahagikan kepada tiga (3) seksyen iaitu Seksyen A bagi jajaran bermula di Kota Bharu, Kelantan ke Dungun, Seksyen B bagi jajaran Dungun, Terengganu ke Mentakab, Pahang dan Seksyen C bagi jajaran dari Mentakab – Nilai – Pelabuhan Klang di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, setakat 25 Jun 2020, jajaran ECRL yang melibatkan Negeri Selangor iaitu Seksyen C masih belum dimuktamadkan sepenuhnya, manakala kedudukan stesen ECRL di Negeri Selangor telah dicadangkan di lokasi yang lebih strategik selain daripada Jenjarom iaitu berhampiran Rimbayu / Cheeding dan Pelabuhan Barat (*West Port*) untuk pertimbangan Kerajaan Persekutuan.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(N11 IJOK)**

**TAJUK : KEMUDAHAN WIFI**

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan untuk meluaskan dan menaiktarafkan khidmat WIFI Selangor terutamanya di luar bandar termasuk DUN Ijok?

**JAWAPAN:**

- a) WiFi Smart Selangor (WSS), sebuah Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) oleh Kerajaan Negeri Selangor, telah menyediakan perkhidmatan WiFi percuma kepada rakyat Selangor, terutama kepada golongan berpendapatan rendah dan kawasan luar bandar untuk merapatkan jurang digital dan meningkatkan taraf hidup rakyat. Program WSS sedang disusun dan ditambahbaik untuk memberi tumpuan kepada kluster Pendidikan, Kesihatan & Keagamaan, Komuniti dengan tumpuan ke kawasan luar bandar dan kumpulan sasaran B40 dan M40 untuk berhubung, mendapatkan maklumat, dan "*online learning*".

DUN Ijok adalah termasuk di dalam kawasan luar dan pinggiran bandar. KNS melalui SMARTSEL sedang dalam perancangan dan kajian untuk memberi khidmat di kawasan-kawasan tersebut dengan menggunakan teknologi dan pendekatan yang terkini yang mampan untuk memastikan pembangunan yang efisien dan mengurangkan kesenjangan digital.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : SKIM MESRA USIA EMAS (SMUE)**

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah wang khairat dan bilangan yang belum diselesaikan sebelum ditukar kepada Jom Shopping Bulan Lahir.
- b) Sila nyatakan masa yang akan dapat menyelesaikan bilangan dan amaun tertunggak.

**JAWAPAN:**

a.

<b>BIL</b>	<b>FASA</b>	<b>JUMLAH KEMATIAN</b>	<b>JUMLAH KHAIRAT KEMATIAN (RM)</b>
1	PERTAMA	655	655,000
2	KEDUA	123	184,500
3	TUNGGAKAN	11	27,500
	<b>JUMLAH</b>		<b>867,000</b>

b. Sehingga Disember 2020.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : KOMPLEKS SUKAN PELBAGAI GUNA**

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah ada perancangan Kerajaan Negeri untuk membina kompleks sukan pelbagai guna di Selangor khususnya di DUN Taman Templer?

**JAWAPAN:**

- a) Pada tahun 2020, Majlis Perbandaran Selayang tiada perancangan untuk membina kompleks sukan pelbagai guna di sekitar Daerah Gombak. Masyarakat boleh menggunakan stadium yang sedia ada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : SKIM SMART SEWA**

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah keseluruhan penerima skim ini?
- b) Adakah Kerajaan Negeri memberi pengecualian sewa kepada penerima skim ini disebabkan Covid-19?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah rumah yang ada di dalam Skim Smart Sewa adalah sebanyak **799 unit di Negeri Selangor**. Setakat ini, sebanyak **562 unit yang telah siap dan telah disewakan** seperti berikut :

<b>BIL.</b>	<b>PROJEK</b>	<b>LOKASI</b>	<b>Bil. UNIT</b>	<b>STATUS PROJEK</b>
1.	Pangsapuri Tun Teja, Alam Impian (Jenis A)	Petaling	5	Telah disewakan
2.	Taman Damai Utama, Puchong (Jenis A)	Petaling	110	Telah disewakan
3.	Pangsapuri Rimba Jaya, Shah Alam (Jenis A)	Petaling	41	Telah disewakan
4.	Pangsapuri De Kiara, Setia Alam (Jenis C)	Petaling	30	Telah disewakan
5.	Pangsapuri Seroja, Setia Alam (Jenis A)	Petaling	11	Telah disewakan
6.	Taman Puchong Utama, Puchong (Jenis B)	Petaling	30	Telah disewakan
7.	Taman Puchong Utama, Puchong (Jenis C)	Petaling	30	Telah disewakan
8.	Pangsapuri Arista, Bandar Parklands (Jenis A)	Klang	11	Telah disewakan
9	Pangsapuri @ Jalan Keretapi Lama, Kapar (Kos Sederhana Rendah)	Klang	64	Telah disewakan

10	Apartment Trifolis, Bukit Tinggi (Jenis D)	Klang	30	Telah disewakan
11	Pangsapuri Asteria (Jenis C)	Klang	50	Telah disewakan
12	Pangsapuri Azaria (Jenis C)	Klang	50	Telah disewakan
13	Pangsapuri Taming Mutiara, Cheras (Jenis C)	Hulu Langat	30	Telah disewakan
14	Jade Hills, Kajang (Jenis A)	Hulu Langat	10	Telah disewakan
15	Jade Hills, Kajang (Jenis B)	Hulu Langat	10	Telah disewakan
16	Jade Hills, Kajang (Jenis C)	Hulu Langat	10	Telah disewakan
17	Jade Hills, Kajang (Jenis D)	Hulu Langat	30	Telah disewakan
18	Bandar Seri Coalfields, Ijok (Jenis D)	Kuala Selangor	10	Telah disewakan
<b>JUMLAH</b>			<b>562 Unit</b>	

Manakala sebanyak **117 unit** lagi di bawah Skim Smart Sewa **telah disiapkan** dan dibuat / sedang penyerahan kunci oleh pemaju kepada LPHS dan kini sedang dibuka permohonan kepada orang awam untuk tujuan penyewaan seperti berikut :

<b>BIL.</b>	<b>PROJEK</b>	<b>LOKASI</b>	<b>Bil. UNIT</b>	<b>STATUS PROJEK</b>
1.	Pangsapuri De Bayu, Setia Alam (Jenis C)	Petaling	30	Penyerahan unit telah dibuat dan dalam proses pemasangan dalaman unit sebelum sewaan
2.	Apartment Simfoni, Semenyih (Jenis B)	Hulu Langat	13	
3.	Antara Gapi, Serendah (Jenis D)	Hulu Selangor	4	
4.	Pangsapuri Alpinia, Dengkil (Jenis C)	Sepang	50	
5.	Rumah Bandar, Kota Puteri (Jenis D)	Gombak	20	Pemaju dalam proses serahan unit
<b>JUMLAH</b>			<b>117 Unit</b>	

Terdapat sebanyak **120 unit** lagi masih **dalam pembinaan** lagi dan dijangka dapat disiapkan pada akhir tahun 2020 seperti berikut :

<b>BIL.</b>	<b>PROJEK</b>	<b>LOKASI</b>	<b>Bil. UNIT</b>	<b>STATUS PROJEK</b>
1.	Pangsapuri Harmoni 1, Putra Heights (Jenis C)	Petaling	30	Dalam pembinaan
2.	Bandar Bukit Raja Fasa 17B, Bukit Raja (Jenis C)	Klang	50	Dalam pembinaan
3.	Pangsapuri Seri Akasia (Jenis C)	Puchong Prima	30	Dalam pembinaan
4	Emira @ TTDI Grove, Kajang (Jenis A)	Hulu Langat	10	Dalam pembinaan
<b>JUMLAH</b>			<b>120</b>	<b>Unit</b>

Sehingga kini, 562 unit rumah telah disewakan dengan kadar sewaan bermula daripada RM450.00 sebulan sehingga RM900.00 sebulan. Manakala sebanyak 117 unit telah siap dan telah dibuat / sedang dalam proses penyerahan unit kepada LPHS manakala baki sebanyak 120 unit masih lagi dalam pembinaan di tapak.

- b) Buat masa ini, Kerajaan Negeri tiada memberikan pengecualian sewa kepada penerima skim Smart Sewa disebabkan Covid-19. Walaubagaimanapun, penerima skim ini telah diberikan penangguhan bayaran sewa selama tiga (3) bulan secara automatik seperti ditawarkan menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor Prihatin Covid-19.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE  
(N48 SENTOSA)**

**TAJUK : PROGRAM USAHAWAN**

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha PBT bagi memajukan peniaga kecil dalam pembinaan tapak usahawan kecil di satu-satu kawasan DUN Sentosa?

**JAWAPAN:**

- a) Majlis Perbandaran Klang telah mewujudkan sebanyak dua (2) lokasi tapak pasar pagi dan dua lokasi (2) tapak pasar malam yang menempatkan anggaran 50 penjaja di kedua-dua tapak tersebut.

Selain itu, untuk tapak penjaja yang disusun semula melalui program 3P (Program Penempatan Penjaja) telah ditempatkan di Jalan Dato Yusof Shahbudin 28.

Disamping itu, pihak Majlis juga bercadang untuk mewujudkan satu lagi penempatan baru penjaja di Jalan Dato Dagang 23 untuk penempatan penjaja secara berpusat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : IMPAK COVID 19 TERHADAP PEKERJA LADANG**

72. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila butirkan impak covid-19 terhadap pekerja ladang warganegara di Negeri Selangor
- b) Adakah kerajaan akan membantu golongan ini dengan apa-apa skim baru?

**JAWAPAN:**

- a) Menurut sumber dari Jabatan Tenaga Kerja (JTK) bertarikh 6 Jun 2020, penularan pandemik Covid – 19 yang melanda negara tidak memberi impak secara langsung kepada pekerja ladang warganegara di Negeri Selangor khususnya memandangkan Kerajaan Negeri membenarkan sektor peladangan beroperasi seperti biasa sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac 2020. Namun begitu, saya berpandangan bahawa butiran tersebut adalah tidak secara menyeluruh memandangkan tiada data terkumpul dan banciaan yang dilaksanakan berkenaan perkara ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Gasing, jumlah pekerja ladang di Negeri Selangor tidak direkod secara khusus di mana pekerja ladang di negeri ini dibahagikan kepada tiga (3) kategori. Pertama, terdapat pemilik ladang yang menggajikan pekerja secara tetap dan pekerja tersebut dikenalpasti sebagai pekerja ladang. Kedua, terdapat pemilik ladang yang membenarkan pihak swasta bekerja di ladang mereka di mana pekerja tersebut bekerja secara kontrak dan tidak dianggap sebagai pekerja ladang. Ketiga, terdapat pekerja ladang yang bekerja sebagai kontraktor persendirian untuk membuat kerja – kerja di sektor perladangan. Justeru, impak Covid – 19 terhadap pekerja ladang warganegara di Negeri Selangor adalah tidak dapat dikenalpasti secara tepat dan menyeluruh.

- b) Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Gasing di atas keprihatinan bertanyakan skim bantuan baharu kepada golongan pekerja ladang. Kerajaan Negeri menyedari bahawa pekerja ladang di negeri ini sebahagian besarnya adalah merupakan golongan yang susah dan perlu dibantu. Sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diumumkan pada 18 Mac 2020, Kerajaan Negeri telah merancang beberapa program khusus untuk membantu rakyat di negeri Selangor



khususnya peniaga – peniaga, pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan petugas barisan hadapan (*Frontliners*).

Dalam pada itu, Kerajaan Negeri telah mengambil pendekatan pantas dengan menghulurkan bantuan kepada para pekerja ladang dan bekas pekerja ladang di negeri Selangor sepanjang tempoh PKP semasa penularan pandemik Covid – 19 melalui penganjuran satu program khas untuk membantu seramai 5,000 orang pekerja ladang dan bekas pekerja ladang di mana rata – rata mereka adalah dari golongan B40 yang dikenal pasti melalui Ketua Komuniti Kaum India (KKI) dan Ahli Majlis berketurunan India.

Dalam pada itu, Kerajaan Negeri sentiasa peka terhadap keadaan sosio ekonomi para pekerja ladang dan bekas pekerja ladang di negeri ini. Kerajaan Negeri masih meneruskan penganjuran program – program sedia ada yang mensasarkan pekerja ladang dan bekas pekerja ladang sebagai penerima manfaat.

Antara program tersebut ialah program – program kemahiran, kebudayaan, motivasi dan sebagainya. Walau bagaimanapun, tumpuan bukan hanya untuk membantu pekerja ladang sahaja, terdapat juga program – program yang dianjurkan khusus untuk membantu anak pekerja ladang seperti Program Sumbangan Bantuan Subsidi Tambang Bas Sekolah di mana pemberian wang RM300.00 kepada setiap anak pekerja ladang/bekas pekerja ladang yang layak mengikut kriteria permohonan untuk setiap tahun, Program Bantuan Yuran Pengajian (IPTA/IPTS) di Malaysia di mana Kerajaan menanggung yuran pengajian maksima sebanyak RM5,000.00 untuk setiap pelajar yang layak mengikut kriteria permohonan bagi satu jurusan, Program Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah (UPSR) yang melibatkan sumbangan kewangan berdasarkan keputusan UPSR yang diperolehi oleh pelajar terbabit dan Program-program Motivasi Anak Pekerja Ladang yang dilaksanakan untuk meningkatkan motivasi dan pendidikan dalam kalangan anak pekerja ladang di dalam menimba ilmu pengetahuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : COVID-19**

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sepanjang tempoh PKP COVID-19:  
(a) apakah bantuan-bantuan yang telah diberi terus kepada rakyat oleh Kerajaan Selangor  
(b) apakah kriteria ditetapkan layak menerima bantuan  
(c) bilangan penerima seluruh Selangor

**JAWAPAN:**

(a) dan (c) dijawab bersekali :-

Kerajaan Negeri telah menyediakan bantuan kepada penduduk di Negeri Selangor di bawah Pakej Rangsangan Selangor Prihatin. Di bawah Pakej ini, terdapat sebanyak 42 inisiatif telah diperkenalkan yang melibatkan impak kewangan sebanyak RM413.933 juta.

Perincian setiap inisiatif berserta jumlah peruntukan adalah seperti di **Lampiran I**.

<b>BIL</b>	<b>INSENTIF FASA PERTAMA</b>	<b>IMPAK KEWANGAN (RM)</b>	<b>PERBELANJAAN (RM)</b>	<b>ANGGARAN BIL. PENERIMA</b>
1	Insentif sebanyak RM200 ( <i>One Off</i> ) kepada petugas hospital di Negeri Selangor	1,200,000.00	1,186,200.00	5,931
2	Bantuan makanan kepada petugas hospital di Negeri Selangor		192,096.00	2,161
3	Penangguhan bayaran sewaan selama 3 bulan di bawah Skim Smart Sewa	600,000.00	600,000.00	2,733

BIL	INSENTIF FASA PERTAMA	IMPAK KEWANGAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	ANGGARAN BIL. PENERIMA
4	Peningkatan had nilai dari RM20 ribu kepada RM30 ribu bagi Program/Aktiviti Mesra Rakyat untuk pembelian keperluan asas	1,680,000.00	1,680,000.00	33,600
5	Pemberian insentif sebanyak RM500 ( <i>One Off</i> )	40,000,000.00	11,442,000.00	22,884
6	Pengecualian sewa 1 bulan di premis PBT Kepada Penjaja/ Peniaga Berlesen	12,000,000.00	2,784,591.00	12,516
7	Penangguhan bayaran balik selama 3 bulan bagi usahawan Skim HIJRAH Selangor	70,000,000.00	70,000,000.00	39,818
8	Bantuan sara diri sebanyak RM200 kepada pelajar Selangor di IPTA di Sabah/ Sarawak	500,000.00	141,400.00	986
9	Bantuan makanan kepada pelajar-pelajar UNISEL, KUIS, INPENS	1,800,000.00	37,200.00	270
10	Program memudahcara urus diri Mahasiswa sempena Perintah Berkurung oleh Pihak Berkuasa Mesir	49,800.00	49,800.00	1365
	<b>JUMLAH KESELURUHAN IMPAK FASA I</b>	<b>127,829,800.00</b>	<b>88,113,287.00</b>	<b>122,264.00</b>

<b>BIL</b>	<b>INSENTIF FASA KEDUA</b>	<b>IMPAK KEWANGAN (RM)</b>	<b>PERBELANJAAN (RM)</b>
1	Insentif Penjagaan Anak-anak <i>Frontliner</i> bagi setiap keluarga untuk tempoh 2 bulan	1,500,000.00	63,300.00
2	Bantuan makanan kepada petugas barisan hadapan	1,340,000.00	326,080.00
3	Bantuan makanan kepada petugas media dan petugas keselamatan	100,000.00	93,472.00
4	Keperluan <i>Task Force</i> COVID Selangor	50,000.00	50,000.00
5	Bas Smart Selangor dari KLIA ke hotel	560,000.00	2,038,274.00
6	Membekalkan topeng muka, <i>hand sanitizer</i> , dan sarung tangan	2,000,000.00	2,621,500.00
7	Operasi stesen kuarantin: petempatan <i>Person Under Surveillance</i> (PUS) di ILIM dan ILKAP	3,000,000.00	927,919.03
8	Penambahbaikan Skim Peduli Sihat	42,500,000.00	42,500,000.00
9	Saringan/ <i>mass-test</i> di kawasan <i>hot spot</i> wabak Covid (2 kali penyaluran RM1.35 juta + RM2.06 juta)	3,410,000.00	3,660,000.00

10	Bantuan kepada warga Selangor yang dijangkiti COVID-19 (RM1 ribu setiap pesakit)	<b>1,800,000.00</b>	<b>162,000.00</b>	<b>198</b>
11	Pengurusan kesihatan mental melalui kelas interaktif alam maya.	<b>1,000,000.00</b>	<b>151,900.00</b>	<b>162,400</b>
12	Pengecualian Denda Lewat Untuk Pembayaran Cukai Taksiran Bagi Penggal Pertama Tahun 2020	<b>12,850,000.00</b>	<b>12,852,374.00</b>	<b>691,945</b>
13	Peningkatan had berbelanja bagi program/ aktiviti mesra rakyat ADUN dari RM20K kepada RM30K (2 kali penyaluran RM1.68 juta x 2 kali)	<b>3,360,000.00</b>	<b>3,360,000.00</b>	<b>67,200</b>
14	Pemberian kepada Ahli Majlis sebanyak RM10k/ RM5k	<b>2,750,000.00</b>	<b>2,442,462.91</b>	<b>55,000</b>
15	Peluasan Skop bagi peruntukan MPKK/KKI (RM5k)	<b>2,480,000.00</b>	<b>2,480,000.00</b>	<b>49,600</b>
16	Bantuan kewangan RM400 kepada penerima program <i>Blueprint</i> kumpulan F&B yang terjejas	<b>460,000.00</b>	<b>430,000.00</b>	<b>1,075</b>
17	Bantuan Makanan Asas kepada Agropreneur (Pendapatan bersih RM1,500 ke bawah)	<b>500,000.00</b>	<b>500,000.00</b>	<b>5,000</b>
18	Bantuan Kepada Petani/Penternak/ Nelayan/IAT	<b>1,500,000.00</b>	<b>1,500,000.00</b>	<b>2,669</b>

19	<i>Sustainability of food supply</i> - pemasaran produk hasil segar dan proses di bawah Program Selangor Agro Market (SAM)	<b>1,000,000.00</b>	<b>1,000,000.00</b>	<b>275</b>
20	Inisiatif Digital Selangor Grab	-	<b>0.00</b>	
21	Membangunkan platform <i>e-learning</i>	<b>700,000.00</b>	<b>246,304.00</b>	<b>82,279</b>
22	Penangguhan bayaran balik pinjaman pelajaran Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (TKWBNS)	<b>6,000,000.00</b>	<b>6,000,000.00</b>	<b>3,991</b>
23	Bantuan makanan untuk mahasiswa/ mahasiswi di UNISEL dan KUIS	<b>760,000.00</b>	<b>73,920.00</b>	<b>330</b>
24	Perlanjutan tempoh akhir bayaran cukai tanah/petak sehingga 31 Julai 2020 tanpa dikenakan caj fi denda lewat.	-	<b>0.00</b>	<b>2,031,495</b>
25	Tempoh bayaran Premium dilanjutkan selama 1 bulan bagi pemegang notis 5A dan 7G yang tamat pada tempoh pelaksanaan PKP	<b>87,810,000.00</b>	<b>87,810,000.00</b>	-
26	Perlanjutan tarikh perserahan urusanniaga dan pengecualian denda lewat	Tidak melibatkan sebarang impak kewangan		
27	Perlanjutan tarikh pungutan dokumen dan pengecualian denda lewat	Tidak melibatkan sebarang impak kewangan		

28	Tabung Khas Bantuan COVID-19	8,000,000.00	2,137,614.70	-
29	Inisiatif Selangor <i>Pay</i>	100,000,000.00	-	-
	<b>JUMLAH KESELURUHAN IMPAK KEWANGAN FASA KEDUA</b>	<b>285,430,000.00</b>	<b>173,427,120.64</b>	<b>3,384,482</b>

BIL	INSENTIF FASA KEDUA (TAMBAHAN)	IMPAK KEWANGAN	PERBELANJAAN	ANGGARAN BIL. PENERIMA
1	Penyaluran peruntukan sebanyak RM20K kepada YB Senator bagi tujuan pemberian keperluan asas	40,000.00	40,000.00	800
2	Pemberian sumbangan kepada masyarakat orang asli (dalam bentuk barangan keperluan asas bernilai RM50 bagi setiap keluarga)	297,000.00	288,056.90	5,812
3	Bantuan Susu Bayi & Lampin Pakai Buang Melalui 56 Pusat Wanita Berdaya (PWB) Selangor	336,000.00	336,000.00	5,829
	<b>JUMLAH KESELURUHAN IMPAK KEWANGAN FASA KEDUA (TAMBAHAN)</b>	<b>673,000.00</b>	<b>664,056.90</b>	<b>12,441</b>

<b>JUMLAH KESELURUHAN IMPAK KEWANGAN</b>	<b>413,932,800.00</b>	<b>262,204,464.54</b>	<b>3,519,187</b>
--	-----------------------	-----------------------	------------------

- b) Berkaitan dengan kriteria kepada penerima bantuan, Kerajaan Negeri tidak menetapkan kriteria tertentu bagi tujuan kelayakan. Kelayakan bantuan adalah berdasarkan inisiatif yang diperkenalkan seperti bantuan insentif *one-off* RM500 kepada penjaja / peniaga kecil yang memiliki lesen / permit sah tahun 2020 di bawah peruntukan Undang-Undang Kecil Penjaja Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor yang diluluskan sehingga 20 Mac 2020 sahaja yang layak memohon dan pemohon hanya layak memohon sekali sahaja walaupun mempunyai lebih daripada satu lesen / permit dari PBT / Majlis yang berbeza.

Penangguhan bayaran bagi Skim Smart Sewa. Mereka yang layak hanyalah peserta Skim Smart Sewa yang dilaksanakan di bawah Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS).

Hanya bantuan kepada warga Selangor yang dijangkiti Covid – 19 sahaja yang mempunyai syarat kelayakan khusus iaitu pemohon mestilah merupakan warganegara Malaysia yang bermastautin di Selangor melebihi 5 tahun dan telah disahkan positif Covid – 19 oleh hospital / klinik kesihatan kerajaan atau pusat perubatan berdaftar.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : CAPAIAN INTERNET DI KAWASAN LUAR BANDAR (TG DUA BELAS)**

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Dengan 'new normal' dan keperluan menjalankan pembelajaran serta perniagaan atas talian yang meningkat, apakah terdapat rancangan untuk menaiktaraf atau menyediakan capaian internet jalur lebar berkelajuan tinggi kepada kawasan-kawasan luar bandar khususnya di mukim Tg Dua Belas?

**JAWAPAN:**

- a) WiFi Smart Selangor (WSS), sebuah Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) oleh Kerajaan Negeri Selangor, telah menyediakan perkhidmatan WiFi percuma kepada rakyat Selangor, terutama kepada golongan berpendapatan rendah dan kawasan luar bandar untuk merapatkan jurang digital dan meningkatkan taraf hidup rakyat. Program WSS sedang disusun dan ditambahbaik untuk memberi tumpuan kepada kluster Pendidikan, Kesihatan, Keagamaan dan Komuniti dengan tumpuan ke kawasan luar bandar dan kumpulan sasaran B40 dan M40 untuk berhubung, mendapatkan maklumat dan "*online learning*".

Kerajaan Negeri Selangor juga melalui MBI akan melaksanakan program INISIATIF DATA INTERNET SELANGOR untuk memberi kemudahan dan penjimatan kewangan kepada rakyat Selangor khususnya golongan B40. Inisiatif ini merupakan kerjasama di antara pihak Kerajaan Negeri Selangor dan syarikat telco untuk menyokong inisiatif digitalisasi bagi mencapai Negeri Pintar 2025.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : KEGANASAN RUMAH TANGGA**

75. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selangor merupakan negeri kes tertinggi keganasan rumah tangga. Selain dari tindakan penguatkuasaan undang-undang, apakah langkah yang diambil untuk membendung keganasan rumah tangga?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor sentiasa prihatin terhadap kebajikan mangsa keganasan rumah tangga. Di antara tindakan-tindakan yang diambil bagi membantu mangsa keganasan rumah tangga oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor adalah seperti berikut:-
- i. membantu mangsa keganasan rumah tangga bagi memfailkan permohonan Perintah Perlindungan Interim di mahkamah;
  - ii. mengadakan dan mengatur pengangkutan bagi mangsa ke kediaman alternatif/ tempat selamat/ tempat berlindung jika mangsa memerlukan;
  - iii. mengadakan dan menguruskan pengangkutan bagi mangsa ke hospital/ tempat kemudahan perubatan yang terdekat bagi rawatan kecederaan sekiranya diperlukan;
  - iv. memberi penerangan dan advokasi kepada mangsa tentang hak untuk mendapatkan perlindungan terhadap keganasan rumah tangga;
  - v. menemani mangsa ke kediamannya untuk mengambil barang-barang kepunyaannya; dan
  - vi. menyediakan khidmat kaunseling dan sokongan kepada mangsa yang memerlukan.
- b) Selain itu, Kerajaan Negeri berpendapat, isu keganasan rumah tangga ini memerlukan penggembleran tenaga dan kerjasama daripada semua pihak bagi memastikan ianya dapat dibendung. Selain daripada tindakan penguatkuasaan undang-undang yang dijalankan oleh pihak Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kerajaan Negeri telah menjalin kerjasama erat dengan Pertubuhan Sukarela Kebajikan (NGO) yang bergiat aktif dalam membantu mangsa keganasan rumah tangga seperti Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO)

dengan melaksanakan program kesedaran awam terhadap mangsa keganasan rumah tangga dan juga membantu pihak Kerajaan Negeri mewujudkan Komuniti Selamat di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR  
(N32 SERI SETIA)**

**TAJUK : PEMAJU DAN PEMBANGUNAN HARAM**

76. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan dan solusi yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi permasalahan yang timbul di kawasan yang tidak mempunyai Badan Pengurusan Bersama?

**JAWAPAN:**

- a) Mulai tahun 2018, Kerajaan Negeri telah melaksanakan program Pemberdayaan Komuniti atau K-Squad untuk menyelesaikan isu pangsapuri-pangsapuri kos rendah yang tiada atau gagal menubuhkan Pengurusan Badan Pengurusan (JMB). Program ini mengambilkira Pesuruhjaya Bangunan (COB), di Pihak Berkuasa Tempatan yang mempunyai kuasa untuk melantik ejen pengurusan di bawah Seksyen 86 Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] bagi mengambil alih pangsapuri yang gagal ditubuhkan JMB. Namun demikian, kuasa tersebut sukar dilaksanakan secara efektif kerana tiada ejen pengurusan yang berminat untuk menguruskan bangunan terutama melibatkan jenis kos rendah memandangkan kos penyenggaraan yang tinggi.

Justeru itu, Program K-Squad melalui COB akan mengenalpasti pangsapuri yang layak seterusnya melantik ejen pengurusan yang kompeten untuk menguruskan pangsapuri yang bermasalah ini. Bayaran fi kepada ejen akan disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi tempoh 6 bulan pada kadar RM6.00 seunit petak (50% lebih rendah dari kadar fi yang ditetapkan seperti Jadual 7, Akta Penilai, Pentaksir Dan Ejen Harta Tanah 1981 [Akta 242]). Ejen pengurusan di bawah program K-Squad perlu mematuhi standard operasi prosedur (SOP) yang telah disediakan supaya pengurusan yang dilaksanakan oleh ejen berkenaan mencapai objektif membantu komuniti pangsapuri yang tiada badan pengurusan. Jangkaan output yang akan diperolehi daripada program K-squad adalah pangsapuri kos rendah yang bermasalah dapat diuruskan secara teratur terutama melibatkan pengurusan kewangan selain memberi pendidikan kepada pemilik tentang budaya kehidupan strata yang berterusan agar memudahkan pengurusan pangsapuri diambilalih oleh JMB selepas 1-3 tahun.

Setakat 31 Disember 2019, jumlah pangsapuri yang terlibat dalam program K-Squad adalah 55 kawasan yang terdiri daripada 17,645 unit petak dengan nilai kos RM583,700.76 yang melibatkan 2 fasa pelantikan. Pecahan peruntukan kos bagi program K-Squad mengikut kawasan COB adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>FASA</b>	<b>JUMLAH KAWASAN</b>	<b>JUMLAH UNIT</b>	<b>NILAIAN KOS (RM)</b>
1	Fasa Satu	10	5,689	193,858.20
2	Fasa Dua	45	11,946	389,842.56
<b>JUMLAH</b>		<b>55</b>	<b>17,645</b>	<b>583,700.76</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW  
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : MEMBASMI KEMISKINAN DAN MENINGKATKAN PENDAPATAN**

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri khususnya bagi menjana pendapatan tambahan rakyat terutama pasca Covid-19 ini?
- b) Bagaimanakah program dan kursus kemahiran baru atau program seperti PWB boleh dipanjangkan juga kepada kaum bapa dalam meningkatkan ekonomi keluarga?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI  
(N40 KOTA ANGERIK)**

**TAJUK : PEMULIHARAAN HUTAN SIMPAN**

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam memastikan kawasan hutan simpan di dalam Negeri Selangor terus dikekalkan?
- b) Apakah Kerajaan Negeri akan meneruskan cadangan penyahwartaan kawasan Hutan Simpan Kuala Langat Utara?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor adalah sentiasa komited untuk mengekalkan dan meningkatkan keluasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) di negeri Selangor sebanyak tidak kurang 30% daripada keluasan tanah negeri selaras dengan keputusan keputusan MMKN Ke-33/2008 bertarikh 19 November 2008 dan keputusan MMKN Ke-45/2014 bertarikh 19 November 2014. Malahan, beberapa usaha sedang dilaksanakan bagi menambah keluasan HSK di negeri Selangor dengan mengenalpasti dan mewartakan tanah-tanah kerajaan yang berpotensi untuk dijadikan HSK.

Di samping itu, Kerajaan Negeri Selangor telah memperkenalkan Dasar Moratorium Ke Atas Pembalakan selama tempoh 25 tahun melibatkan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan hutan Tanah Kerajaan sejak tahun 2010. Justeru, tiada sebarang aktiviti pembangunan yang boleh dipertimbangkan melainkan ianya mempunyai kepentingan nasional seperti bekalan elektrik, jalanraya, bekalan air dan sebagainya.

Pihak Kerajaan Negeri Selangor juga telah menambah baik Seksyen 11 Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 pada A23 berdasarkan Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 2011 dengan memasukkan proviso "semua pengeluaran Hutan Simpanan Kekal perlu melalui Kaedah Penyiasatan Awam seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri". Kerajaan Negeri Selangor telah melulus dan mewartakan suatu Kaedah iaitu Kaedah-kaedah Penyiasatan Awam (Selangor) 2014 di dalam Warta Kerajaan di bawah Kaedah-kaedah Negeri Selangor dan telah disiarkan pada 30 Januari 2014. Dalam hubungan ini, proses penggantian rizab hutan perlu dilakukan secara

serentak dan mengikut panduan Seksyen 12, Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985.

Sebagai makluman, negeri Selangor adalah merupakan negeri pertama dan satu-satunya negeri di Malaysia yang telah menguatkuasakan Kaedah Penyiasatan Awam sebagai syarat di dalam prosedur penyahwartaan Hutan Simpanan Kekal (HSK).

- b) Merujuk kepada keputusan MMKN Ke-7/2020 pada 19 Februari 2020 yang telah disahkan oleh MMKN Ke-8/2020 pada 04 Mac 2020, Kerajaan Negeri mengekalkan pendirian berhubung keputusan mengenai pembatalan warta Hutan Simpan Kuala Langat Utara dan usaha menggantikan danewartakan Hutan Simpanan Kekal di kawasan yang telah dikenal pasti dengan jumlah keluasan yang lebih besar. Sehubungan itu, proses pendengaran awam bagi pembatalan warta hutan simpan ini adalah diteruskan mengikut prosedur yang ditetapkan.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN  
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : PROGRAM MEMBANTU USAHAWAN SELANGOR**

79. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan program-program yang masih boleh dimohon atau bakal dibuka bagi membantu usahawan-usahawan Selangor, terutamanya pada musim pandemik ini?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri telah merangka beberapa insentif dan bantuan bagi mengurangkan impak kepada para usahawan di Negeri Selangor akibat pandemik Covid19. Antara program dan insentif yang masih boleh dimohon adalah seperti berikut:

***i. Selangor Advance***

*Selangor Advance* ialah program yang memberi kemudahan aliran tunai dan modal operasi pembekal/penyedia perkhidmatan yang berurusan dengan pihak Kerajaan Negeri Selangor, agensi dan kumpulan GLC Selangor sahaja. Kaedah yang dilaksanakan adalah melalui kemudahan pembiayaan pemfaktoran-i. Para pembekal / penyedia perkhidmatan tersebut boleh memohon untuk menyertai program secara atas talian di [www.selangoradvance.com.my](http://www.selangoradvance.com.my) dan boleh mula memohon untuk pembayaran awal atas nilai invois setelah mendapatkan kelulusan untuk mengambil bahagian. Menteri Besar Incorporated (MBI) adalah urusetia bagi program ini.

Selain itu Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah dana setiap tahun bagi memperkasakan dan melahirkan usahawan berjaya di dalam Negeri Selangor. Sebahagian permohonan bantuan ini diproses sepanjang tahun dan mengikut proses kelulusan. Antara program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

***i. Geran Dana Usahawan Mikro Selangor (DUMS)***

Bantuan ini diberikan kepada usahawan mikro melalui sembilan (9) daerah di Negeri Selangor. Dana ini merupakan program khas untuk membantu usahawan mikro di Negeri Selangor bagi meningkatkan hasil jualan dan sekaligus melahirkan usahawan-usahawan yang berdaya

tahan, berdaya saing dan berdaya maju. Setiap tahun sekurang-kurangnya 10 usahawan menikmati manfaat daripada bantuan ini.

Setiap daerah diperuntukkan sebanyak RM250,000.00 untuk program bantuan DUMS. Setiap pemohon yang menepati syarat dan kelayakan yang ditetapkan berpeluang untuk dipertimbangkan untuk menerima bantuan sehingga RM30,000.00. Syarat-syarat kelayakan adalah seperti berikut:

- Rakyat Negeri Selangor atau pun yang telah bermastautin lebih daripada 10 tahun;
- Perusahaan dijalankan di Negeri Selangor;
- Berumur antara 18 – 55 tahun;
- Nilai jualan kurang daripada RM300,000.00 atau bilangan pekerja 2-5 orang;
- Perusahaan telah dan masih beroperasi sekurang-kurangnya 2 tahun;
- Perusahaan dijalankan sepenuh masa; dan
- Perusahaan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

**ii. Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan**

Bantuan ini merupakan sebahagian daripada 33 Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) Kerajaan Negeri Selangor untuk mengupayakan masyarakat keluar daripada kitaran kemiskinan. Program ini dilaksanakan melalui Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan dan Pembangunan Sosio Ekonomi.

Matlamat utama program ini ialah untuk meningkatkan taraf ekonomi melalui penajaan/ peningkatan pendapatan bagi individu yang berpendapatan di bawah RM1,500.00 sebulan atau pendapatan seisi rumah di bawah RM3,000.00 terutamanya melibatkan peniaga-peniaga kecil menerusi pemberian bantuan peralatan/ mesin berdasarkan perusahaan yang sedang dijalankan. Program bantuan ini terbuka kepada semua pemohon yang menepati syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan.

**iii. Pensijilan Halal Negeri Selangor**

Program ini terbuka kepada usahawan yang ingin mendapatkan pensijilan halal produk dan meningkat daya saing dan pasaran produk. Program ini dikendalikan oleh Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN).

**iv. Program Peningkatan Pembungkusan**

Program ini terbuka kepada usahawan yang ingin meningkatkan mutu pembungkusan bagi menembusi pasaraya rantaian dan pasaran eksport. Program ini dikendalikan oleh Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan, Unit Perancang Ekonomi Negeri.

**v. Latihan Keusahawan**

Antara rangka kursus yang dijadualkan dan masih berjalan adalah siri latihan keusahawanan secara atas talian dengan kerjasama Institut Keusahawanan Negara (INSKEN). Selain itu, UPEN sedang merangka penganjuran latihan di dewan seminar memandangkan penurunan kes COVID19 dan aktiviti ekonomi telah dibenarkan mengikut garis panduan yang ditetapkan. Program ini dikendalikan oleh Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan, Unit Perancang Ekonomi Negeri dengan kerjasama agensi-agensi lain seperti INSKEN, MARA, HIJRAH SELANGOR dan Bahagian Pembangunan Usahawan, PKNS.

**vi. Program Pembinaan Upaya Usahawan India Selangor**

Program ini bertujuan untuk membantu usahawan India yang berpotensi berkembang maju di dalam bidang perniagaan. Di samping itu, ianya dapat membantu usahawan India menjadi lebih berdikari dan mampu untuk menjana ekonomi. Peserta terlibat akan diberikan latihan dan pengupayaan kepakaran, penyediaan cadangan projek, pengurusan pemasaran dan kewangan.

Antara modul yang telah dirangka ialah latihan kemahiran bersama syarikat peneraju/mentor terpilih selama tiga (3) hingga enam (6) bulan bergantung kepada industri yang terpilih. Sepanjang tempoh latihan tersebut, peserta akan diberi peluang untuk terus mengendalikan perniagaan mengikut jenis latihan yang diceburi dan dipantau oleh syarikat peneraju. Program ini dikendalikan oleh Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan, Unit Perancang Ekonomi Negeri dengan kerjasama HIJRAH SELANGOR.

**vii. Pinjaman Mikrokredit Hijrah Selangor**

HIJRAH Selangor menyediakan pinjaman kewangan secara berperingkat bermula tahun 2015. Sebelum ini program pinjaman kewangan ini dikenali sebagai Mikrokredit Bersepadu yang menggabungkan skim-skim mikrokredit SKIMSEL, MIMBAR dan WALA yang telah dilaksanakan

semenjak tahun 2010. Ia merupakan satu sistem pembiayaan modal yang mudah, cepat dan tidak membebankan kepada penjaja dan peniaga kecil yang menghadapi masalah kekurangan modal, dan peluang mendapatkan modal tambahan. Pinjaman berperingkat ini dikategorikan mengikut skim 1 – 4 dan jumlah kelulusan diberikan sehingga RM50,000.00 mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI  
(N43 SEMENTA)**

**TAJUK : MASALAH DENGGI DI SELANGOR**

80. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik terkini kes Denggi di Negeri Selangor mengikut daerah.
- b) Apakah usaha terkini Kerajaan Negeri dalam menangani masalah Denggi yang semakin meningkat di Selangor?
- c) Adakah sebarang kajian dibuat untuk membanteras seterusnya dapat mengawal masalah Denggi di Selangor?

**JAWAPAN:**

a)

<b>Daerah</b>	<b>Kes Denggi Tahun 2020 ( sehingga 27 Jun )</b>
Petaling	10,651
Klang	57,21
Hulu Langat	5,369
Gombak	4,369
Sepang	1,681
Hulu Selangor	1,073
Kuala Selangor	600
Kuala Langat	580
Sabak Bernam	87
<b>Selangor</b>	<b>30,131</b>

- b) Usaha terkini Kerajaan Negeri dalam menangani masalah Denggi yang semakin meningkat di Selangor adalah melalui kempen penggunaan repellen dan semburan aerosol di rumah dalam kalangan pesakit demam denggi dan komuniti. Aktiviti ini digiatkan dengan kerjasama di antara Pejabat Kesihatan Daerah dan fasiliti kesihatan (klinik kesihatan) untuk pemberian repellen dan kerjasama

bersama Pihak Berkuasa Tempatan untuk meningkatkan aktiviti semburan aerosol di dalam rumah.

- c) Jabatan Kesihatan Negeri Selangor telah membuat kajian semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (bermula pada 18.03.20).

Hypothesis kajian adalah melihat kaitan bilangan kes yang tinggi berbanding mobilisasi / pergerakan rakyat terutama di Lembah Klang.

Hasil kajian ini menunjukkan:

- i. Kajian Entomologi (kaji serangga) menunjukkan kepadatan nyamuk masih tinggi samada sebelum dan semasa tempoh PKP
- ii. Kajian Penilaian Risiko Persekitaran di lokaliti-lokaliti wabak berulang menunjukkan tempat pembiakan nyamuk, isu sampah (tabur dan haram) juga masih tinggi samada sebelum dan semasa tempoh PKP
- iii. Analisa di lokaliti wabak menunjukkan bilangan kes denggi di lokaliti tersebut menurun bermula 2 minggu sebelum PKP (ME10/2020) (bermula 1 Mac 2020) dan tren berkenaan terus dilihat menurun semasa tempoh PKP sehinggalah peningkatan semula pada ME 15/2020 (bermula 5 April 2020)
- iv. Amalan kebersihan pemusnahan tempat pembiakan aedes di premis masing-masing (dalam dan luar rumah) adalah tinggi berdasarkan kajian responden sebanyak 2,088 penduduk di Negeri Selangor secara umum

Maka secara kesimpulan, kajian ini menunjukkan antara punca jangkitan tinggi di negeri Selangor adalah jangkitan gigitan luar premis (*outdoor biting*) dan isu mobilisasi / pergerakan penduduk.